

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU]

TARIKH : 19.3.2015

SOALAN :

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian dalam mengatasi beban kewangan yang ditanggung oleh ibu bapa di sesetengah sekolah yang mengenakan pelbagai caj bayaran kemudahan dan peralatan sekolah yang terpaksa ditambah mengikut kehendak sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited dalam menyediakan peruntukan besar dalam menampung kos pendidikan di semua peringkat pendidikan termasuklah dalam usaha meringankan beban kewangan ibu bapa. Untuk makluman, bermula tahun 2012, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia bagi meringankan beban perbelanjaan persekolahan pada awal tahun yang ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga. Bantuan tersebut telah diberi kepada setiap murid warganegara Malaysia dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 tanpa mengambil kira pendapatan keluarga. Sumbangan tersebut adalah bertepatan dan menunjukkan keperihatinan kerajaan terhadap pendidikan kanak-kanak.

Selain daripada itu, KPM telah memperkenalkan Elaun Murid Khas (EMK) bermula tahun 2004 bagi tujuan meringankan beban ibu bapa dalam menguruskan kos pembelajaran Murid Berkeperluan Khas (MBK). Sebanyak RM150.00 sebulan diperuntukkan kepada murid MBK yang bersekolah di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.

KPM juga telah mengeluarkan Surat Siaran Bilangan 4 Tahun 2011: Garis Panduan Kutipan/Bayaran Keperluan Persekolahan Murid Di Sekolah Kerajaan Dan Sekolah Bantuan Kerajaan bertarikh 14 November 2011 bagi menyatakan maksud tatacara dan kaedah yang dibolehkan untuk sumbangan yang diberikan. Bagi pelaksanaan bayaran lain persekolahan, pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) diingatkan agar cadangan bayaran-bayaran lain perlu dibentang, dibincang, diputuskan di dalam Mesyuarat Agung PIBG.

RJM45